

# Peribadi seiring kecemerlangan akademik

## Proses pendidikan perlu disertai asas agama kukuh

**M**encerna modal insan menjadi satu fizikal yang upaya dalam segenap segi memerlukan strategi yang teratur dan berhiraki. Begitulah juga dalam soal membangunkan sahsiah dan akademik permata negara yang diharap silaunya memberi cahaya kepada agama juga.

Usaha itu bukan saja membabitkan pihak sekolah dan kementerian tetapi perlu mendapat kerjasama daripada ibu bapa terutama dalam memastikan nilai murni serta tonggak peribadi anak yang cemerlang seiring dengan prestasi akademik.

Umumnya, tiada insan kecil yang ingin gagal dan dipinggirkan. Walaupun tidak 'luar biasa', mereka pasti mahu berjaya. Ada kanak-kanak yang lambat matang, menjadikan mereka tidak galak membuktikan kecemerlangan.

### Kenal pasti kecenderungan anak

Namun, sifat tekun dan berakhlak mulia menjadikan mereka istiqamah menuntut ilmu. Sebab itulah ibu bapa perlu mengenal pasti tahap kecenderungan anak dan memantau prestasi supaya mereka tetap pendirian dan tahu keutamaan.

Tambahan pula, pendidikan pertama bermula dari rumah. Waktu berkualiti yang sedikit ketika di rumah tentulah tidak mengizinkan proses pembelajaran berlaku dengan sempurna. Malah, ramai ibu bapa yang mempunyai komitmen kepada kerjaya.



Ibu bapa meletakkan harapan kepada guru untuk mentarbiah anak mereka sebaik mungkin.

[ GAMBAR HIASAN ]

Justeru, harapan diletakkan kepada guru di sekolah atau pusat pendidikan lain untuk mentarbiah anak mereka sebaik mungkin, sehingga berjaya dan cemerlang.

Setiap pelajar mengharapkan diri berjaya, malangnya ada yang tidak tahu cara untuk mencapai cita-cita. Segelintir menyerahkan bulat-bulat kepada guru untuk dibimbing, dididik menjadi orang berguna.

Apabila mereka mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan, ibu bapalah orang paling gembira dan mendabik dada sehingga terlupa bagaimana anak mereka dicanai berguna.

Ada ibu bapa yang menyedari pentingnya perhatian terhadap setiap

anak, mereka membantu guru memperkasakan sekolah dan persatuan; mengambil tahu kegiatan atau aktiviti anak serta tidak lokek untuk menjengok mereka di sekolah.

Tentulah anak berasa bangga dan berbesar hati dengan perhatian yang diberikan ibu bapa lalu menaruh cita-cita untuk membuktikan kemampuan diri, berbaloi dengan apa yang dilakukan ibu bapa terhadap mereka.

Firman Allah SWT: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang buruk dan keji, serta kamu pula beriman kepada

Allah (dengan sebenar-benarnya)." (Surah Ali-Imran, ayat 110)

Tetapi manusia tidak boleh diukur dengan persamaan fizikal untuk menentukan kualiti. Cacat cela zahirnya tidak mengesahkan mereka bodoh dan tidak berakhlak. Itulah susahnya menjadi pendidik kerana perlu melahirkan manusia memiliki mental dan peribadi berkualiti tinggi, yang tidak boleh diukur dengan pandangan mata.

Firman Allah SWT: "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan sekalian makhluk. Tuhan yang menjadikan manusia dari segumpal darah. Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Tuhan yang mengajar manusia menulis dengan kalam. Tuhan yang mengajar manusia apa yang manusia tidak mengetahuinya." (Surah al-Alaq, ayat 1-5)

### Asas agama kukuh

Jelaslah dalam konteks manusiawi, pendidikan bermula dengan proses peneroakan akal perlu disertai asas agama yang kukuh. Antaranya, memulakan proses pencarian ilmu dengan menyebut nama Allah untuk mendapatkan, keredaan dan keberkatan-Nya.

Orang yang mencari ilmu atau melakukan apa juga perbuatan, jika dimulakan dengan nama Allah SWT, insya-Allah akan dapat mengelak terpesong daripada matlamat sebenar.

Kesedaran ibu bapa memulakan pendidikan anak di peringkat awal mereka mengenali dunia dengan mengenalkan kepada Yang Maha Mencipta adalah sebaik-baik cara. Rasulullah SAW bersabda: "Menuntut ilmu itu adalah fardu kepada semua orang Islam." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Guru yang meneruskan tarbiah kepada anak yang terdidik dengan permulaan baik tentunya tidak mempunyai masalah. Walaupun cabaran kehidupan semakin hebat, itu tidak akan menggugat peribadi dan sikap yang sudah dididik dengan baik.



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia